

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos membiayai program SBST MyBas Seremban sejak tahun 2015 dan berapakah penumpang (*ridership*) setiap tahun untuk 2016, 2017 dan 2018. Apakah Kerajaan bersedia menyusun semula laluan perkhidmatan MyBas supaya dapat merangkumi kawasan perumahan yang berpenduduk padat agar perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang ramai lebih menyeluruh.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 78.5 juta sejak November 2015 sehingga Disember 2018 untuk pembiayaan program SBST Seremban. Jumlah penumpang mengikut tahun 2015 hingga 2018 adalah 153 ribu, 3.5 juta, 3.6 juta, dan 3.1 juta orang penumpang masing-masing. Kerajaan sentiasa prihatin kepada keperluan rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam untuk bergerak ke destinasi yang dituju. Oleh itu, kajian laluan sentiasa dibuat bagi penambaan perkhidmatan SBST kepada rakyat dan mengoptimumkan pembiayaan yang dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.